

Headline 60% pensyarah lulusan PhD di universiti menjelang 2020
Date 02. Jul 2008 Language MALAY
Media Title Utusan Malaysia Page No 28
Section Dalam Negeri Article Size 230 cm2
Circulation 238082 Frequency Daily
Readership 833287 Color Full Color



60% pensyarah lulusan PhD di universiti menjelang 2020

Oleh NOR AZAN FITRI AHMAD HIDZIR

Kita memerlukan lebih banyak pensyarah sebegini sebagai langkah untuk melahirkan mahasiswa yang berkualiti pada masa hadapan sebagai langkah untuk memenuhi permintaan pasaran pekerjaan

IDRIS HARON
Timbalan Menteri
Kementerian
Pengajian Tinggi

KUALA LUMPUR 1 Julai - Kementerian Pengajian Tinggi menyasarkan sekurang-kurangnya 60 peratus pensyarah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di seluruh negara memiliki kelulusan doktor falsafah (PhD) menjelang 2020.

Timbalan Menteri, Datuk Idris Haron berkata, setiap IPTA di seluruh negara memiliki secara purata 30 peratus pensyarah berkelulusan PhD dan dijangka terus meningkat setiap tahun.

"Kini, hanya Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaya memiliki jumlah purata pensyarah melebihi 30 peratus berkelulusan PhD.

"Kita memerlukan lebih banyak pensyarah

sebegini sebagai langkah untuk melahirkan mahasiswa yang berkualiti pada masa hadapan sebagai langkah untuk memenuhi permintaan pasaran pekerjaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pendidikan Tinggi Kebangsaan 2008 anjuran Asia Executive Program Sdn. Bhd. di sini hari ini.

Turut hadir ialah Naib Canselor Kolej Universiti Teknologi Antarabangsa Twin-tech, Profesor Senator Datuk Dr. Ismail Md. Salleh.

Idris berkata, sasaran itu adalah sebahagian daripada pelan strategik pendidikan tinggi negara untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih kondusif di setiap IPTA di negara ini.

"Kita harus memiliki strategi serta pe-

rancangan yang berkualiti dalam usaha untuk melahirkan mahasiswa yang berkualiti pada masa akan datang," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, seminar tersebut bertujuan untuk mencari dan merangka strategi baru bagi memajukan sistem pendidikan tinggi di negara ini.

"Melalui seminar ini, kita harap dapat melahirkan universiti yang berkualiti setaraf universiti terkemuka antarabangsa," katanya.

Beliau juga berharap seminar itu dapat melahirkan strategi baru untuk mengurangkan kadar pengangguran di kalangan mahasiswa selepas tamat pengajian mereka.

"Kita juga akan mengkaji semula sukatan pelajaran di setiap IPTA supaya ia menepati kehendak pasaran pekerjaan," katanya.